



KEMENTERIAN  
PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

## KENYATAAN MEDIA

### MAJLIS PELABURAN NEGARA (MPN) MEMUTUSKAN MIDA SEBAGAI AGENSI PENGGALAKAN PELABURAN UTAMA NEGARA

---

**Mesyuarat Majlis Pelaburan Negara (MPN Bil 1/2023)** yang telah dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim baru-baru ini telah bersetuju untuk memperkasakan **Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) sebagai agensi penggalakan pelaburan utama negara**. Ini adalah sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk menyusun semula ekosistem Agensi Penggalakan Pelaburan (*Investment Promotion Agency - IPA*) negara yang akan dimulakan dengan penyelarasan fungsi dan peranan IPA serta koridor ekonomi wilayah berkaitan pelaburan secara berfasa.

MPN, selaku badan eksekutif tertinggi dalam merencanakan agenda berkaitan pelaburan, juga bertanggungjawab untuk menangani isu dan cabaran utama dalam pelaksanaan projek-projek pelaburan, terutamanya pelaburan strategik dan berimpak tinggi bagi memastikan kelancaran pelaksanaan projek-projek tersebut.

Dari segi pemerksaan **MIDA sebagai agensi penggalakan pelaburan utama negara**, pengukuhan fungsi penyelenggaraan akaun dan **pemusatan pelaporan maklumat terkini pelaburan di bawah satu platform atau *dashboard* tunggal** juga akan **menangani isu-isu pelabur secara tangkas** serta **menyokong penggubalan dasar untuk pembangunan industri, insentif galakan pelaburan dan memudahcara perjalanan pelabur (*investor's journey*)** serta fasilitasi pelaburan yang berkesan.

Hasrat ini adalah selaras dengan teras strategik di bawah Dasar Pelaburan Baharu (NIP) berteraskan Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA) yang menggariskan keperluan untuk menambahbaik landskap IPA negara agar lebih terancang sekaligus memudahkan perjalanan pelabur.



KEMENTERIAN  
PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Sehubungan itu, keputusan menjadikan MIDA sebagai agensi penggalakan pelaburan utama negara adalah juga sebahagian daripada usaha MPN untuk menambahbaik dan memperkasakan ekosistem serta landskap pelaburan negara bagi:

- a. Memastikan **pendekatan menyeluruh kerajaan dari segi aktiviti penggalakan pelaburan negara** secara lebih **tersusun, efisien, berfokus, berstruktur dan sistematik**.
- b. Memastikan Malaysia dapat **mengoptimumkan sumber sedia ada** bagi mengatasi isu pertindihan tanggungjawab di antara IPA sekaligus menjamin penyampaian perkhidmatan IPA yang lebih berkesan.
- c. **Memastikan tadbir urus IPA yang lebih tersusun** kerana ia juga merupakan **faktor penting bagi pelabur membuat keputusan** dan menilai Malaysia sebagai destinasi pelaburan pilihan.
- d. **Meningkat dan mengekalkan pelaburan langsung asing** (*Foreign Direct Investment - FDI*) dan juga **pelaburan langsung domestik** (*Domestic Direct Investment - DDI*).
- e. **Memastikan FDI dan juga DDI membawa kepada kesan limpahan positif kepada ekonomi dan rangkaian bekalan domestik, PKS tempatan serta rakyat Malaysia** selaras dengan objektif NIA.

**Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Aziz**

**MENTERI PELABURAN, ANTARABANGSA & INDUSTRI (MITI)**

**22 MEI 2023**



KEMENTERIAN  
PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

### **Tentang MITI:**

MITI adalah pemacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara ini sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif di peringkat global. Objektif dan peranannya adalah berorientasikan ke arah memastikan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia dan membantu mencapai matlamat yang dinyatakan di negara ini untuk menjadi sebuah negara maju.

### **Pertanyaan Media:**

Unit Komunikasi Strategik MITI

Tel +603 6200 0082

Fax +603 6206 4293

E-mail [alluks@miti.gov.my](mailto:alluks@miti.gov.my)